



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAKLUMBALAS TERHADAP LAPORAN MEDIA ANTARABANGSA MENGENAI ISU MASALAH PEMBEKALAN DOS VAKSIN COVID-19 OLEH PFIZER

Kenyataan ini dikeluarkan untuk memberi maklumbalas terhadap pertanyaan orang awam mengenai laporan yang dikeluarkan oleh agensi media antarabangsa Reuters bertarikh 4 Disember 2020 bertajuk "*Pfizer says supply chain challenges contributed to slashed target for COVID-19 vaccine doses in 2020*".

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sehingga kini, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) masih belum menerima sebarang dokumen daripada syarikat Pfizer untuk penilaian pendaftaran dan pengujian produk vaksin COVID-19 sekaligus tidak mempunyai sebarang maklumat berkaitan isu masalah pembekalan dos vaksin tersebut sebagaimana yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, KKM akan sentiasa memantau perkembangan produk vaksin COVID-19 oleh Pfizer dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara ini.

Adalah menjadi tanggungjawab NPRA, KKM untuk memastikan sebelum sesuatu produk didaftarkan untuk dipasarkan di Malaysia, ia perlu terlebih dahulu melalui proses penilaian dan pengujian berasaskan prinsip-

prinsip kualiti, keselamatan dan juga keberkesanan. NPRA juga memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan vaksin serta ubat-ubatan yang berdaftar sentiasa terjamin melalui program pemantauan mutu produk berdaftar dan farmakovigilans. Pihak KKM akan memaklumkan perkembangan terkini kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

6 DISEMBER 2020